

CNS1606

U GB 03-10 00163 BA826

bah

SUKAN KOMANWEL: MAHATHIR MINTA JANGAN DIBANGKITKAN SOAL REMEH

Mahathir - Sukom

KUALA LUMPUR, 3 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihati pihak yang terbabit dengan Sukan Komanwel 1998 supaya menumpukan usaha kepada penganjurannya dan bukan membangkitkan soal-soal remeh.

+Yang pen-tiny kita ada persiapan yang cukup untuk Sukan Komanwel itu,+ katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Ibu Pejabat Umno di Menara Datuk Onn di sini.

Dr Mahathir diminta mengulas mengenai perasaan tidak puas hati Majlis Olimpik Malaysia (OCM) terhadap beberapa kenyataan Menteri Delia dan Sukan, Senator Annuar Musa, mengenai persiapan temasya sukan itu.

Ini termasuk pengumuman Annuar mengenai perantukan bekas Panglima Rangkaian Tentera Jen (B) Tan Sri Hashim Mohamed Ali sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Sukom, badan korporat yang akan mengendalikan sukan itu.

OCM dilaporkan +terperanjat+ dengan pengumuman itu yang disifatkannya terlalu awal dan bertentangan dengan piagam Persekutuan Sukan Komanwel (CGF). -- Lagi

▼03/10/17-51MST

CNS1622

U GB 03-10 00166 BA831

bah

(Ulang membetulkan para 4.. Ketua Eksekutif Sukom, bukannya pengerusi) - Mahathir - Sukom 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata perkara itu boleh diselesaikan jika (semua pihak) +tak kira sangat siapa lebih tinggi dan lebih rendah dan kenapa ia tidak ditanya (sebelum pengumuman dibuat).

+Kalau perkara itu tersilap dari segi teknik, kita betulkan tekniknya, tak jadi masalah,+ katanya.

Beliau berkata masalah dalam bidang sukan di negara ini ialah +pertandingan dalam bilik lembaga ini lebih kencang dan ghairah daripada di padang bola+.

Mengenai spekulasi sebuah akhbar Cina semalam yang menyatakan bahawa sebagai Ketua Eksekutif Sukom, Hashim akan dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur; Dr Mahathir berkata tidak ada undang-undang yang menyebutkan demikian.

+Tetapi kalau nak buat spekulasi, buatlah, kita tak marah kerana spekulasi sihat tidak mengapa, okay,+ katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata belum ada keputusan mengenai pengganti Tan Sri Elyas Omar, yang meletakkan jawatan sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur bulan lepas. -- Bernama

▼03/10/18-26MST